

**Ruzana binti Mispan**

**Plaintif**

**dan**

**Muhamad Aziz bin Selamat**

**Defendan**

Dalam Mahkamah Rendah Syariah Jempol.

**Alasan Penghakiman Ringkas**

**1. Fakta Kes.**

Plaintif tinggal di alamat No. 262, Felda Lui Selatan 2, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 13.5.2016 dan didaftarkan di atas Sijil Nikah Negeri Sembilan No.A 129498. Plaintif dan Defendan tidak pernah bercerai. Plaintif telah memfailkan kes dibawah seksyen 53 iaitu perceraian secara fasakh atas alasan Defendan telah menganiaya Plaintif dengan cara menampar muka Plaintif.

2. Saman gagal disempurnakan secara kediri pada 17.1.2024 dan tidak bersetuju dengan permohonan Plaintif.

**3. Fakta yang menjadi isu ialah:**

- a) Adakah Mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini
- b) Adakah Plaintif layak dan berhak membuat tuntutan ini
- c) Beban membuktikan

**4. Isu pertama**

Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini berdasarkan Seksyen 62(2)(b) EPAI Negeri Sembilan 2003 dan Seksyen 4, 45, 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 dan seksyen 121 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

**5. Isu kedua**

Mahkamah berpuashati bahawa Plaintif layak membuat permohonan ini atas alasan:

- a) Plaintif masih seorang isteri yang sah kepada Defendan
- b) Alasan Plaintif adalah alasan yang dibenarkan oleh hukum Syarak dan diperuntukkan di dalam sek. 53 EUUKIN9
- c) Plaintif seorang yang mukallaf ketika kes difailkan

**Isu ketiga**

6. Mahkamah juga berpendapat beban pembuktian di dalam kes ini terletak di atas tanggungjawab Plaintif untuk membuktikan dakwaannya.

البينة على المدعي واليمين على من أنكر  
"Keterangan ke atas orang yang mendakwa dan sumpah ke atas orang yang didakwa (tidak bersetuju dengan dakwaan tersebut)"

7. Di dalam kes ini, Plaintiff telah mengemukakan keterangannya melalui keterangan dokumen iaitu:
  - i- Kad pengenalan Plaintiff
  - ii- Sijil Nikah Plaintiff
8. Manakala Defendan telah membawa keterangan seorang saksi:
  - i- Siti Habsah binti Sapan -ibu kandung Plaintiff
9. Plaintiff mendakwa Defendan telah menampar muka Plaintiff pada 7.4.2018 di rumah ibu mertuanya. Kejadian tersebut disaksikan oleh ibu Defendan dan adik beradik Defendan.
10. Defendan di ketika memberi keterangan telah mengaku ada menampar Plaintiff sekitar tahun 2018-2019. tarikh kejadian yang tepat tidak diingati.
11. Saksi Defendan iaitu ibu kandung Defendan juga memberitahu Mahkamah telah melihat Defendan menampar Plaintiff sebanyak tiga kali.
12. Tiada keterangan yang dibuktikan oleh Defendan untuk membuktikan perbuatan tersebut dibenarkan oleh Syarak seperti mempertahankan diri atau lain-lain.
13. Berdasarkan kepada pengakuan Defendan serta sokongan dari keterangan saksi, Mahkamah berpendapat dakwaan Plaintiff adalah benar.
14. **Keputusan**  
Mahkamah setelah mendengar keterangan Plaintiff, dokumen dan saksi yang dikemukakan, maka dengan ini Mahkamah perintahkan seperti berikut:
  - a) Mahkamah sabitkan dakwaan Plaintiff bahawa Defendan telah menganiyai Plaintiff pada 7.4.2018 dengan cara menampar muka Plaintiff.
  - b) Mahkamah meluluskan permohonan Plaintiff untuk mendapatkan perceraian secara fasakh di bawah Seksyen 53 (1) (h) (i) EUUKIS Negeri Sembilan 2003.
  - c) Mulai hari ini 12 Mac 2024 jam \_\_\_\_\_ pagi Mahkamah dengan ini memerintahkan pernikahan di antara Plaintiff **Ruzana binti Mispan** dengan **Muhamad Aziz bin Selamat** difasakhkan.
  - d) Plaintiff diperintahkan beriddah 3 kali suci / 3 bulan
  - e) Perceraian tersebut didaftarkan di PAID Jempol
  - f) Sijil Nikah Negeri Sembilan No.A 129498 dibatalkan.